<p>5. Meningkatkan nilai tanah</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kemajuan pengangkutan akan meningkatkan lingkungan pengaruh bandar apabila kawasan yang dihubungkan mengalami peningkatan nilai tanah. • Pengaruh bandar yang merebak ke kawasan ini melalui pengangkutan turut memberi kesan dari segi perubahan gunatanah • Pembinaan infrastruktur seperti rangkaian telekomunikasi, dan penyediaan utiliti (tenaga dan air) menjadikan gunatanah lebih cepat berkembang pesat. <p>Peningkatan nilai tanah kawasan yang dihubungi turut memperluaskan lagi lingkungan pengaruh bandar apabila kawasan pinggir bandar mengalami perubahan gunatanah.</p>	2
<p>Peraturan pemarkahan : 5 isi x 2 markah : 10 markah</p>		10

iii. Huraikan langkah-langkah mengatasi masalah sistem pengangkutan bandar .
[10]

Isi Utama	Huraian dan contoh	markah
<p>1. Menambahkan jaringan pengangkutan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pertambahan jaringan pengangkutan yang lebih padat perlu segera dirancang dan dilaksanakan mengikut keperluan penduduk yang semakin meningkat. Peningkatan mobiliti penduduk bandar, peningkatan jumlah pengguna dan pergerakan input dan output perlukan jaringan pengangkutan yang lebih padat yang perlu diteliti dari masa ke semasa. 	2
<p>2. Mempelbagaikan sistem pengangkutan bandar mengikut keperluan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Sistem pengangkutan bandar perlu dipelbagaikan mengikut keperluan pengguna / kawasan. Untuk mengurangkan masalah kesesakan yang bertumpu disatu-satu kawasan, sistem pengangkutan yang akan disediakan hendaklah mengambil kira keadaan / keperluan pengguna mengikut kawasan. • Kawasan pinggir bandar yang dihubungi oleh pengangkutan tidak semestinya menggunakan satu jenis pengangkutan sahaja. 	2
<p>3. Meningkatkan kekerapan perkhidmatan dan memastikan perkhidmatan berkala disediakan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bagi memenuhi keperluan terutama di waktu kemuncak (peak hours), sistem pengangkutan yang cekap ialah yang mematuhi jadual perjalanan yang telah ditetapkan. • Mengelakkan pembaziran masa menunggu tanpa mengenyakan faktor skala ekonomi operasi perkhidmatan yang disediakan memberikan situasi menang-menang antara pengguna dan firma /pengusaha pengangkutan 	2
<p>4. Kesesuaian kapasiti muatan , keselamatan dan keselesaan pengguna</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Perkhidmatan pengangkutan hendaklah mengambil kira faktor kapasiti muatan dan perkhidmatan yang memberikan keselesaan kepada pengguna disamping mengutamakan ciri-ciri keselamatan yang tinggi untuk mengelakkan kejadian yang tidak diingini. • Penyelenggaraan sistem pengangkutan mesti diutamakan. 	2
<p>5. Lokasi terminal / pusat transit pengangkutan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Lokasi terminal atau pusat transit bagi sistem pengangkutan hendaklah mengikut jarak yang paling efisien dari segi perkhidmatan. • Terminal / pusat transit perlu disediakan dengan kemudahan yang bersepadu dari segi perkhidmatan pengangkutan yang membolehkan keperluan pergerakan pengguna disokong oleh lain-lain jenis perkhidmatan 'intra- kawasan' seperti perkhidmatan teksi atau bas. 	2
<p>Peraturan pemarkahan : 5 isi x 2 markah : 10 markah</p>		10

Soalan 4

- a. Berdasarkan jadual dan peta yang disediakan, tunjukkan bilangan penduduk di ibu-ibu negeri di Semenanjung Malaysia pada tahun 2009 dengan menggunakan kaedah bulatan berkadar.


[9]

Butiran	Markah
Tajuk lengkap	1m
Label bandar	1m
Petunjuk / Skala Bulatan *(mengikut kesesuaian saiz)	1m
Plotan : 1 markah bagi setiap 2 bandar Yang diplot dengan betul/tepat	6m
JUMLAH	9 MARKAH

Catatan :

** Contoh Peta Bulatan Berkadar yang disertakan sekadar ilustrasi.

Tajuk : Peta Bilangan Penduduk di Bandar Utama Terpilih Malaysia Tahun 2009



b. Huraikan faktor-faktor yang mempengaruhi pertumbuhan penduduk di bandar-bandar utama di Semenanjung Malaysia.

[8]

Isi Utama	Huraian dan contoh	markah
<p>b 1 Tarikan peluang pekerjaan yang banyak dan berpendapatan lumayan khususnya dari sektor industri, perkhidmatan dan perniagaan.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Tarikan peluang pekerjaan yang banyak di bandar-bandar utama Semenanjung Malaysia dmenggalakkan migrasi dari luar bandar. • Contoh: sektor pekerjaan ialah perindustrian,perniagaan, perkhidmatan dan lain-lain. • Penduduk tertarik dengan peluang memperoleh pendapatan yang lumayan 	2
<p>b 2 Tarikan untuk melanjutkan pelajaran – khususnya pendidikan tinggi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bandar-bandar utama menawarkan peluang melanjutkan pelajaran dengan adanya IPTA dan IPTS. Contohnya, Kuala Lumpur terdapat Univesiti Malaya, UTM dan lain IPTS terkemuka. • Pemusatan IPT di bandar-bandar menarik golongan muda yang ingin melanjutkan pelajaran berhijrah kebandar-bandar utama dan menyebabkan pertumbuhan penduduk yang pesat berbanding lain-lain bandar. 	2
<p>b 3 Tarikan kemudahan bandar yang lain – hiburan, prasarana yang lengkap, kemudahan kesihatan dll yang terdapat di bandar-bandar utama</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Bandar-bandar utama adalah bandar yang serba lengkap dengan pelbagai tarikan kemudahan bandar seperti hiburan, prasarana, kemudahan rekreasi dan lain-lain. • Golongan muda yang mengejar gaya hidup moden dan ingin menikmati pelbagai kemudahan memilih untuk berhijrah kebandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Johor Bharu, Ioh dll untuk memenuhi gaya hidup mereka. 	2
<p>b 4 Pemusatan pelbagai fungsi bandar</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pemusatan pelbagai fungsi bandar mendorong pertumbuhan penduduk di bandar-bandar utama. Contohnya: Bandar Shah Alam sebagai ibu negeri, berfungsi sebagai bandar pentadbiran bagi negeri Selangor, bandar pendidikan dan bandar perindustrian dan perdagangan sekaligus menjadikan penduduk lebih tertumpu ke bandar ini. 	2
<p>b 5. Aras kesuburan/fertiliti migran adalah tinggi.</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Kumpulan umur muda menjadi komposisi utama penghijrah ke bandar-bandar utama. • Migran muda mempunyai kadar fertiliti yang tinggi dan mnyumbang kepada peningkatan pertumbuhan semulajadi penduduk yang pesat di 	2

	bandar-bandar utama seperti Kuala Lumpur, Georgetown, Johor Bahru, Ipoh dan lain.-lain.	
b 6 Kemudahan dan penjagaan kesihatan yang baik	<ul style="list-style-type: none"> • Kemudahan perubatan dan penjagaan kesihatan yang baik mengurangkan kadar kematian bayi di kalangan penduduk bandar utama. • Peningkatan jangka hayat penduduk di bandar utama kesan daripada penjagaan kesihatan dan pemakanan • Peningkatan pendapatan perkapita dan taraf hidup penduduk bandaraya memungkinkan saiz keluarga yang lebih besar boleh ditampung. Kecenderungan meningkatkan kelahiran 	2
Peraturan pemarkahan : 4 isi x 2 markah : 8 markah		8

c. **Jelaskan kesan pertumbuhan penduduk di bandar-bandar utama di Semenanjung Malaysia terhadap alam sekitar manusia.**

[8]

Isi Utama	Huraian dan contoh	markah
<p><u>Kesan negatif:</u></p> <p>c 1 Masalah pengangguran dan kemiskinan bandar</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Ekonomi bandar tidak mampu menyerap lebih penduduk yang ramai akibat migrasi masuk penduduk di bandar utama. Peluang pekerjaan yang semakin terhad menyebabkan berlakunya pengangguran terutamanya di kalangan migran berkelulusan rendah. • Kemelaratan hidup mewujudkan fenomena pseudo-urbabnisasi iaitu situasi dimana kos hidup bandar yang tinggi menyebabkan kualiti hidup penduduk bandar semakin rendah. 	2
<p>c 2 Masalah tempat tinggal / setingan</p>	<ul style="list-style-type: none"> • Pendapatan penduduk yang berhijrah ke bandar utama bergantung kepada sektor informal yang kurang lumayan dan secara relative adalah kecil berbanding kos hidup dibandar. Tekanan ini menyebabkan migrant tidak berkemampuan menyewa rumah yang lebih selesa kerana harga sewa yang mahal. • Penyelesaiannya ialah mereka membina pertempatan haram di atas tanah rezab kerajaan atau swasta seperti rezab jalan keretapi, rezab sungai dsbnya 	2

c 3 Masalah persekitaran sosial bandar	<ul style="list-style-type: none"> • Peningkatan kadar jenayah adalah ketara di bandar-bandar utama disebabkan tekanan untuk meneruskan kelangsungan kehidupan di bandar. Peras ugut, pelacuran, dsbnya berleluasa. • Kemerosotan taraf kesihatan juga turut berlaku disebabkan persekitaran tempat tinggal yang kurang terusu dari segi pembuangan sampah mendorong merebaknya pelbagai wabak penyakit. 	2
c 4 Kesesakan lalulintas / kemudahan asas	<ul style="list-style-type: none"> • Pertumbuhan penduduk yang pesat di bandar-bandar utama juga menyumbang kepada masalah kesesakan lalulintas. • Penggunaan kemudahan asas yang tidak mencukupi (bekalan tenaga , air tidak sepadan dengan pertumbuhan penduduk) 	2
<u>Kesan Positif</u>		
c 5 Menyediakan tenaga dalam sektor informal	<ul style="list-style-type: none"> • Pertumbuhan penduduk di bandar-bandar utama mampu menyediakan bekalan tenaga kerja untuk pelbagai sektor informal atau kerja buruh kasar seperti pengumpul sampah, tukang cuci, jaga dll. 	2
c 6 Pertambahan saiz pasaran barangan dan perkhidmatan	<ul style="list-style-type: none"> • Pertumbuhan penduduk dalam pelbagai peringkat memberikan kesan positif dari segi perkembangan saiz pasaran barangan atau perkhidmatan. • Pelbagai hierarki barangan dan perkhidmatan dapat mendapat permintaan dari pelbagai peringkat umur dan keperluan. 	2
Peraturan pemarkahan : 8 isi x 2 markah : 10 markah		8

Soalan 5

Berdasarkan satu kajian luar yang telah anda jalankan ke atas aktiviti ekonomi di sebuah kawasan atau daerah kecil,

a. Namakan kawasan kajian tersebut. [1]

1. Menamakan satu kawasan atau daerah kecil dan aktiviti ekonomi	1
--	---

b. Nyatakan dua kaedah kajian yang digunakan. [4]

1. Menyatakan mana-mana 2 kaedah kajian (beserta ulasan tentang pelaksanaan kaedah kajian)	4
--	---

c. **Jelaskan kesan negatif ke alam sekitar setempat akibat aktiviti ekonomi yang telah anda kaji.** [10]

Isi Utama	Huraian dan contoh	markah
c 1 Perubahan lanskap	<ul style="list-style-type: none"> Berlaku perubahan kepada lanskap asal kepada lanskap baru Cth: keadaan asal yang dilitupi hutan berubah kepada hutan batu. 	2
c 2 Pencemaran	<ul style="list-style-type: none"> Pencemaran air / udara / bau Cth: (suaikan mengikut aktiviti ekonomi) sektor pertanian yg banyak menggunakan bahan kimia dalam aktiviti meracun rumpai dan pembajaan bahan-bahan sisa sampah/kumbahan daripada hotel atau resort 	2
c 3 Gangguan kepada pelbagai ekosistem	<ul style="list-style-type: none"> kebanyakan aktiviti ekonomi bandar khususnya menyebabkan gangguan kepada ekosistem ancaman kepelbagaian biologi 	2
c 4 Perubahan suhu mikro	<ul style="list-style-type: none"> penebangan hutan untuk tujuan pembangunan dan menyediakan kemudahan ekonomi menyebabkan peningkatan suhu mikro pembakaran bahan bakar 	2
c 5 pencemaran persekitaran	<ul style="list-style-type: none"> sampah sarap yang jarang diurus meyebabkan berlakunya kemerosotan setempat. Cth: sampah dan sisa makan dari kegiatanm pelancongan atau perniagaan 	2
c 6 hakisan cerun / tanah runtuh / hakisan pantai	<ul style="list-style-type: none"> Penarahan dan perataan bukit untuk menyediakan tapak kegiatan ekonomi mendedahkan permukaan tanah Larian air permukaan mendorong kejadian tanah runtuh 	2
**suaikan kesan mengikut aktiviti ekonomi yang dikaji. <p style="text-align: right;">Peraturan pemarkahan : 5 isi x 2 markah : 10 markah</p>		10

- d. Cadangkan langkah-langkah yang sesuai diambil bagi mengatasi kesan neaktif di atas

[10]

Isi Utama	Huraian dan contoh	markah
d 1 Langkah perundangan	<ul style="list-style-type: none"> • Pemantauan oleh JAS • Penguatkuasaan Akta Kualiti Alam Sekitar 1974 • Laporan EIA bagi setiap projek yang akan dimajukan • Tindakan saman / kompaun/denda/hukuman kepada pesalah alam sekitar • Menyita premis 	2
c 2 Langkah Pengurusan / Amalan Pengurusan Strategik	<ul style="list-style-type: none"> • Langkah mencegah hakisan / tanah runtuh: <ul style="list-style-type: none"> - Benteng konkrit / tanaman tutup bumi / penanaman mengikut kontur / tanaman berjalur /teres / perangkap kelodak • Amalan Pengurusan Sisa / langkah alternatif <ul style="list-style-type: none"> - meninggikan cerobong asap - Merawat sisa - Larangan pembakaran terbuka - Amalan kongsi kereta - Penggunaan petrol tanpa plumbum - Penggunaan bahan bakar alternative - Amalan kitar semula • Mengawal sumber kepelbagaian biologi <ul style="list-style-type: none"> - Penghutanan semula / rawatan silvikultur / kaedah tebangan terpilih - Penyelidikan dan pembangunan (R&D) - Penghijauan - Penggunaan bahan alternatif 	4
c 3 Pendidikan Alam Sekitar	<ul style="list-style-type: none"> • Pendidikan formal di sekolah rendah, menengah rendah dan menengah atas • Mengikut tahap dan kurikulum kebanyakan aktiviti ekonomi bandar khususnya menyebabkan gangguan kepada ekosistem • Kursus, seminar dll. • Kempen kesedaran / pameran bergerak, dll. • Pelbagai peraduan / pertandingan • Gotong oryong 	4
**suaikan kesan mengikut aktiviti ekonomi yang dikaji.		10

**Peraturan pemarkahan :
5 isi x 2 markah : 10 markah**

NOTA PEMARKAHAN:

Jawapan umum yang tidak bersifat kajian luar – tidak merujuk kawasan atau kegiatan ekonomi / di merata tempat / kawasan melebihi satu daerah sememangnya secara langsung tidak mampu dikaji, maka markah maksima = 5 / 25 sahaja.

Soalan 6

6 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan setinggan ?

[5]

Isi Utama	Markah
Konsep : Satu proses menduduki bangunan atau tanah yang bukan hak milik secara sah di sisi undang-undang.	1
Konsep : Petempatan haram di kawasan tanah yang bukan hak milik penghuninya sama ada di kawasan tanah kerajaan, swasta, atau kepunyaan individu.	1
Ciri: Letakan petempatan setinggan 1. Hampir dengan zon pusat bandar- jimat kos pengangkutan ulang-alik ke tempat kerja	1
Ciri: Fizikal 1. Susun atur bangunan tidak tersusun/terancang 2. Persekitaran fizikal petempatan sesak, kotor dan tidak mempunyai kemudahan asas yang cukup.	1
Ciri: Demografi 1. Dihuni oleh saiz keluarga yang besar/jumlah tanggungan ramai. 2. Komposisi penduduk kebanyakannya terdiri daripada golongan migran yang baru berpindah ke bandar.	1
Ciri: Ekonomi 1. Dihuni oleh golongan berpendapatan rendah/miskin 2. Taraf hidup yang rendah/pendapatan kecil/tabungan rendah.	1
Ciri: Sosial 1. Masalah sosial dan penyakit berjangkit 2. Cth: Taun, demam denggi dan malaria/penyalahgunaan dadah, pelacuran dan lain-lain.	1
JUMLAH MAKSIMUM	5

6(b) Huraikan faktor-faktor yang menggalakkan pertumbuhan petempatan setinggan.

[10]

Isi Utama	Huraian	Markah
b1 Kadar urbanisasi yang pesat dan tidak terkawal	*Tumpuan pembangunan di bandar raya terlalu pesat berbanding dengan bandar-bandar lain di negara tersebut- aliran migrasi masuk penduduk amat tinggi.(Bandar raya Primat)	2

	<ul style="list-style-type: none"> * Kebanyakan migran taraf pendidikan rendah. Bekerja dalam sektor informal * Pendapatan kecil. Tidak mampu membeli/menyewa rumah di bandar 	
b2 Krisis Perumahan	<ul style="list-style-type: none"> * Bilangan rumah kos rendah terlalu sedikit. * Persaingan guna tanah bandar tinggi. rumah kos rendah tidak menguntungkan pemaju. 	2
b3 Pertumbuhan penduduk bandar yang pesat	<ul style="list-style-type: none"> * Aliran migrasi masuk amat tinggi. tidak diimbangi dengan peluang pekerjaan dan kemudahan asas perumahan yang cukup. 	2
b4 Kadar kelahiran tinggi.	<ul style="list-style-type: none"> * Taraf pendidikan rendah di kalangan migran. Tidak mengamal perancangan keluarga. * Meningkatkan saiz keluarga-beban kewangan. 	2
B5 Masalah pentadbiran tanah dan ketidakcekapan perancangan guna tanah bandar.	<ul style="list-style-type: none"> * Kurang kawalan telah memberi peluang dan kesempatan menceroboh tanah rezab bandar spt rezab sungai, rezab jalan raya, rezab jalan kereta api dan lain-lain. 	2
Jumlah Maksimum		10

6 (c) langkah-langkah untuk membendung masalah setinggan. [10]

Isi Utama	Huraian	Markah
c1 Dasar pembandaran seimbang	<ul style="list-style-type: none"> * Usaha pembandaran tidak tertumpu di sesebuah bandar semata-mata. Mengurangkan jurang yang ketara dengan bandar induk. * Tumpuan penduduk yang melampau/kepadatan berlebihan/ kesesakan dapat dikurangkan. 	2
c2 Memperbanyakkan Perumahan kos rendah.	<ul style="list-style-type: none"> * Bilangan rumah kos rendah ditambah. * Kerajaan memantau, merancang dan melaksanakan projek-projek perumahan 	2

	kos rendah tidak diabaikan oleh pemaju.	
c3 Mengekang aliran migrasi luar bandar ke bandar	<ul style="list-style-type: none"> * Melaksanakan semula Program Pembangunan Wilayah spt Tanah Rancangan FELDA. * Penyelerakan industri di kawasan desa. * Melaksanakan Rancangan Pembangunan Desa spt: Pembangunan In-Situ, Program Reformasi Tanah Pertanian dan lain-lain. 	2
c4 Melaksanakan program perancangan bandar yang sistematik dan cekap	<ul style="list-style-type: none"> * Merancang penggunaan ruang tanah dan pengezonan bandar. * Kawasan rezab dijadikan kawasan hijau-bandar lestari. * Kerajaan Tempatan mengambil tindakan tegas dengan merobohkan setinggan. 	2
c5 Mengawal kemasukan pekerja asing/pendatang tanpa izin	<ul style="list-style-type: none"> * Melaksanakan Operasi pemantauan/pencegahan dan Program Penghantaran Pulang Pendatang. * Perlaksanaan hukuman sebat/penjara kepada tekong-tekong darat. 	2
Jumlah Maksimum		10

Soalan 7

7 (a) Apakah yang dimaksudkan dengan Segi Tiga Pertumbuhan ASEAN [5]

Isi Utama	Markah
Konsep : Kerjasama ekonomi pada kawasan yang lebih kecil di dalam wilayah Asean.	1
Konsep : Melibatkan tiga atau empat buah negara berjiran.	1
Konsep : Saling memperoleh keuntungan dan saling membantu / melengkapi antara satu sama lain untuk memajukan kawasan /pusat pertumbuhan ekonomi.	1
Konsep: Tidak terikat pada mana-mana undang-undang dan peraturan, tetapi berdasarkan kepada persefahaman dan persetujuan antara negara yang terlibat.	1
Konsep: Dibangunkan oleh pihak swasta antara negara melalui pelaburan bersama dan pelaburan silang.	1
JUMLAH MAKSIMUM	5

7(b) Nyatakan tiga kerjasama Segi Tiga Pertumbuhan Asean.

[3]

Isi Utama	Markah
b1 IMS-GT (Indonesia, Malaysia, Singapura- Growth Triangle)	1
b2 IMT-GT (Indonesia, Malaysia, Thailand- Growth Triangle)	1
b3 EAGA-BIMP (East Asean Growth Area-Brunei, Indonesia, Malaysia, Filipina)	1
JUMLAH MAKSIMUM	3

7(c). Huraikan empat kepentingan kerjasama segitiga pertumbuhan terhadap perkembangan sosioekonomi serantau. [8]

Isi Utama	Huraian dan Contoh	Markah
c1 Mempercepatkan pembangunan sumber alam	* Memaju dan membangunkan sumber alam dengan lebih cepat tanpa ada pembaziran. * Cth: Sumber hutan, pelancongan, air dll.	2
c2 Perluasan pasaran dan perdagangan	* Menambah saiz pasaran dan kuasa beli. * Barangan dan perkhidmatan boleh dijual dengan mudah tanpa karenah birokrasi. * Cth: Kawasan bebas cukai.	2
c3 Perkongsian pelaburan modal	* Masalah kekurangan modal sesebuah negara dapat ditampung oleh pihak swasta negara lain. * Konsep perkongsian modal memberi keuntungan bersama.	2
c4 Perkongsian teknologi, R&D, dan inovasi baru	* Pemindahan teknologi daripada negara maju seperti Singapura dan Malaysia *Teknologi baru dapat disebar kepada penduduk di kawasan terlibat. * Cth: teknologi maklumat (IT).	2
Jumlah Maksimum		8

7(d) Bagaimanakah bentuk kerjasama negara ASEAN dalam menangani isu alam sekitar.

[9]

Isi Utama	Huraian dan Contoh	Markah
d1 Menangani masalah jerebu akibat kebakaran hutan	<ul style="list-style-type: none"> * Malaysia membantu Indonesia dengan menghantar pasukan bomba dan penyelamat. * Singapura membantu dengan menggunakan teknologi radar dan satelit dalam mengesan kebakaran. 	3
d2 Cadangan menubuhkan Pasukan Memadam Api ASEAN	<ul style="list-style-type: none"> * Tujuan mencegah kejadian kebakaran hutan berulang. * Mewujudkan tabung/dana khas bagi mengatasi kebakaran hutan. 	3
d3 Urusan penjagaan Selat Melaka.	<ul style="list-style-type: none"> * Singapura bertindak mengesan punca-punca pencemaran spt pelanggaran kapal tangki atau pembuangan enap cemar dari kapal. * Indonesia dan Malaysia menjalankan rondaan dan kawal selia di sepanjang Selat Melaka. * Kos pembersihan laut ditanggung secara bersama berdasarkan lokasi pencemaran. 	3
Jumlah Maksimum		9

Panduan pemarkahan

3 isi x 3m = 9m

Isi utama + huraian mantap = 3m

Isi utama + huraian longgar + contoh = 3m

Isi utama + huraian longgar tanpa contoh = 2m

Menyenaraikan isi utama sahaja tanpa huraian = maksimum 3m

Soalan 8

8(a) Apakah yang dimaksudkan dengan fenomena penyahutan

[5]

Isi Utama	Markah
Konsep : Penghapusan hutan secara besar-besaran.	1
Konsep : pelbagai tujuan aktiviti manusia spt pembalakan, pembukaan kawasan ladang, pembinaan petempatan/perindustrian dan lain-lain.	2
Konsep : berlaku secara semulajadi spt fenomena El-Nino, letusan gunung berapi/gempa bumi	2
JUMLAH MAKSIMUM	5

8(b) Jelaskan bagaimana aktiviti penyahutan boleh berlakunya kemerosotan kualiti alam sekitar.

[10]

Isi Utama	Huraian dan Contoh	Markah
b1 Peningkatan suhu setempat	<ul style="list-style-type: none"> * Ketiadaan pelindung yang menghalang pancaran matahari. * Lebihan gas karbon dioksida dalam atmosfera. * Pengurangan kelembapan udara akibat berkurangnya proses transpirasi. 	2
b2 Hakisan/gerakan jisim, dan tanah tandus	<ul style="list-style-type: none"> * Pendedahan permukaan bumi secara langsung kepada proses geomorfologi. * Kehilangan pelindung, daya pengikat dan cengkaman tanah -tanah menjadi longgar dan cerun tidak stabil. * Kehilangan nutrien tanah akibat air larian permukaan. 	2

b3 Kesan ke atas sistem hidrologi	<ul style="list-style-type: none"> * Meningkatkan kadar larian air Permukaan - membawa banyak kelodak/lumpur ke dalam sungai- banjir * Mengurangkan jumlah hujan tempatan akibat kekurangan proses transpirasi pokok-Kemarau * Mengurangkan kadar susupan air ke dalam tanah-menjejaskan kawasan tadahan air dan bekalan air kepada sungai,tasik dll. 	2
b4 Ancaman kepupusan kepelbagaian biologi	<ul style="list-style-type: none"> * Kepupusan spesies flora dan fauna akibat habitat diganggu. * Gangguan rantaian makanan akibat kerosakan ekosistem hutan. 	2
b5 Pencemaran air	* partikel-partikel tanah dihakis dan di bawa oleh air larian permukaan ke sungai. Kualiti air merosot.	2
Jumlah Maksimum		10

8(c) Huraikan langkah-langkah mengatasi kemerosotan kualiti alam sekitar akibat fenomena penyahutan.

[10]

Isi Utama	Huraian dan Contoh	Markah
c1 Menguatkuasakan undang-undang dan peraturan	<ul style="list-style-type: none"> * Akta, enakmen, peraturan dan ordinar spt Akta Kualiti Alam Sekeliling 1974 berkaitan dengan pemeliharaan dan pemuliharaan sumber hutan. * Pemantauan oleh agensi pelaksana spt JAS,Jabatan Hutan, PERHILITAN,PBT. * Penguatkuasaan dan hukuman-denda/kompaun, disita, penjara dll. * Langkah pencegahan melalui EIA. 	4
c2 Melaksanakan langkah-langkah bukan perundangan. (Amalan pengurusan yang strategik)	<ul style="list-style-type: none"> * Pengekalan kawasan rezab sungai di kawasan hutan. * Aktiviti penanaman semula, * Perangkap kelodak dan takungan sementara dibina untuk mengelakkan banjir lumpur. 	4

	<ul style="list-style-type: none"> * Menentukan zon pembalakan/zon penampian supaya tidak melebihi kawasan rezab. * Larangan aktiviti pembakaran terbuka(tebang bakar). Menggunakan kaedah tebang reput. * Kaedah penebangan terpilih. * R&D terhadap hasil hutan. Mencari sumber gantian untuk mengurangkan pergantungan kepada sumber kayu 	
c3 Langkah bukan perundangan. (Kempen kesedaran dan pendidikan alam sekitar)	<ul style="list-style-type: none"> * Kempen kesedaran melalui slogan dan aktiviti kemasyarakatan seperti slogan cintailah hutan kita. * Peranan media cetak dan media elektronik- pendedahan berterusan dan kesedaran tanggungjawab oleh stesyen TV. * Peranan pihak swasta dan NGO. * pendidikan rendah, menengah dan universiti khususnya menerusi kurikulum geografi. 	2
Panduan pemarkahan: Langkah Perundangan: maksimum 4m Langkah Pengurusan :maksimum 4m Kempen kesedaran dan pendidikan alam sekitar: maksimum 2m Isi sahaja tanpa huraian (listing only)- 3 isi = 1m, maksimum 3m Isi dengan huraian longgar =1m bagi setiap isi Isi dengan huraian mantap = 2m bagi setiap isi Isi dengan huraian longgar dan ada contoh = 2m bagi setiap isi		10

Skema jawapan tamat